



PENGURUSAN PEMANTAUAN KERATAN AKHBAR MBSJ
TARIKH: 04 DISEMBER 2024 (RABU)

LAIN-LAIN PBT

BIL	AKHBAR	PBT	TAJUK
1.	THE STAR	MBSA DBKL	• SHAH ALAM SPORTS COMPLEX EXPECTED TO BE COMPLETED BY 2027 • BANDAR MALAYSIA PLAN BEING REVIEWED, SAYS ANWAR
2.	SINAR HARIAN	MBSA	• ARKITEK CATOPIA TAMAN KUCING

UMUM

BIL	AKHBAR	TAJUK
1.	THE STAR	• REWIND TO THE '80s IN SHAH ALAM • WORK ON JALAN SENTUL PASAR TO BE COMPLETED NEXT JULY • PUTRAJAYA ON TRACK TO ACHIEVE GREEN CITY GOALS
2.	KOSMO	• ANGGOTA PBT MULA PAKAI KAMERA BADAN ELAK KONTROVERSI • TAMAN PERMAINAN MESRA OKU PERTAMA DI MELAKA • MEKANISME SUBSIDI BERSASAR TELUS, BENDUNG KETIRISAN
3.	SINAR HARIAN	• PAMPASAN BINA SEMULA RUMAH MANGSA BANJIR • PROJEK TEBATAN BANJIR SELURUH NEGARA IKUT JADUAL • EPISOD KEDUA HUJAN LEBAT BERTERUSAN TAMAT • TABURAN HUJAN LUAR BIASA LEBIH 1,000mm • NAIK TARAF REKA BENTUK TEBATAN SEDIA ADA
4.	BERITA HARIAN	• KERJASAMA PELBAGAI PIHAK BINA KETAHANAN HADAPI BENCANA BANJIR • KERAJAAN PERPADUAN PERLU PERKUKUH REFORMASI AGENDA BASMI RASUAH • METMALAYSIA PANTAU LURUAN MONSUN
5.	UTUSAN MALAYSIA	• TAMAN PERMAINAN MESRA OKU PERTAMA DI MELAKA • JUMLAH TABURAN HUJAN 6 BULAN PUNCA BANJIR BESAR
6.	THE SUN	• PM GRATEFUL FOR AID TO FLOOD-HIT RESIDENTS



Cassette tapes and compact discs on sale during the event.

Rewind to the '80s in Shah Alam

Event transports visitors to era of cassette tapes and big hair

THE Rentak Selangor 2024 Konsert Nostalgia Irama 80an & Evolusi Muzik transported visitors back in time to the 1980s.

The event at Wisma MBSA in Shah Alam featured a flea market, old-time clinic and coffeshop, musical instrument store, sundry shop and a traditional *warung* (roadside stall).

Visitors could also avail themselves to free health screenings and grab a bite at the many food stalls set up at the venue.

The event featured performances of hits from the '80s as well as ukulele, *keroncong*, and *cempuling*.

Competitions were also held

including on '80s fashion and singing performances.

The highlight was a concert hosted by veteran singer and actress Fauziah Ahmad Daud.

It incorporated short sketches between the musical sets.

Performers included a who's who from the era including Datuk Malek Ridzuan, Datuk Francissca Peter, Zur Eda, Datuk Jamal Abdullah, Samudera, Khai Bahar and Slash.

Selangor Deputy State Secretary (development) Datuk Johary Anuar also made a surprise appearance and played guitar during Slash's performance.



(Above) Jamal (in blue suit) and Fauziah (left) performing together.



Participants sporting big hair and colourful outfits during the fashion competition.



Selangor housing and culture committee chairman Datuk Borhan Aman Shah (fifth from left) with Selangor State Secretary Datuk Haris Kasim (fourth from right) posing with the singing and fashion contest winners during the Rentak Selangor 2024 Konsert Nostalgia Irama 80an & Evolusi Muzik event. — Photos: IZZRAFIQ ALIAS/The Star



Visitors browsing through items at the flea market.



Cempuling performers playing traditional musical instruments.

By JAROD LIM
jarodlim@thestar.com.my

THE upgrade of Jalan Sentul Pasar in Kuala Lumpur is now 50% completed and work is scheduled to be completed next July.

A section of the road was closed off to traffic since July. Kuala Lumpur advisory board member Andre Lai said ongoing works were intended to address road subsidence in the area.

"This area was once a tin-mining area and its activities have resulted in softer soil conditions, leading to frequent road subsidence issues in the past.

"The contractor is required to excavate the road to clear out underlying waste.

"Once cleared, the area will be filled with soil to stabilise the ground," he said, during a site visit together with the project contractor.

The project is being carried out in phases.

In the initial phase, two lanes of the four-lane road were closed.

Currently, the two lanes towards Batu Caves have reopened to traffic, while the two Kuala Lumpur-bound lanes are now closed for upgrades.

Lai added that Jalan Sentul Pasar had now become congested due to increased traffic flow from developments in surrounding areas.

"In recent years, many high-rise apartments have been com-

Work on Jalan Sentul Pasar to be completed next July

Ground stabilisation necessary to address road subsidence



Lai (left) during his visit to the site at Jalan Sentul Pasar.

pleted and residents from around 10 such properties are using Jalan Sentul Pasar.

"The road will be fully restored once the upgrading

project is completed," he said, adding that the road works would include improvements to the drainage system.

Bernard Chan, who lives in

one of the condominiums along Jalan Sentul Pasar, said, "When the initial work was done, the road condition was bad as it was uneven and

unpleasant to use.

"But after the upgrades, the road has seen much improvements," said the 42-year-old accountant.

THE STAR

Tarikh: 04 DEC 2024

'Shah Alam sports complex expected to be completed by 2027' 4/7



(From left) Ahmad Azri and Saipolyazan with the laptop recipients at a community hall in Paya Jaras. — KAMARUL ARIFFIN/The Star

THE new Shah Alam Sports Complex (SASC) is projected to be completed by 2027, provided the project development agreement is signed by the year end.

Menteri Besar Incorporated (MBI) chief executive officer Saipolyazan M. Yusop said the organisation was optimistic about finalising the agreement within the year.

He was responding to Selangor Menteri Besar Datuk Seri Amirudin Shari who had said on Nov 19 that the demoli-

tion of Stadium Shah Alam, in preparation for the construction of the new SASC, was expected to be finished by June next year.

"The demolition work has reached 50% and is ahead of schedule.

"So far, the demolition work is progressing smoothly, adhering to the specifications and safety standards approved by MBSA (Shah Alam City Council) and relevant agencies.

"Construction can begin once the demolition is completed,"

Saipolyazan said during an event where three laptops were donated to low-income families in Paya Jaras by Yayasan MBI chief Ahmad Azri Zainal Nor.

He said each laptop cost RM2,000 and was part of Yayasan MBI's programme to contribute RM150,000 worth of devices to B40 students.

Earlier, Saipolyazan and MBI officers visited and donated RM500 to five families affected by the floods in Kampung Paya Jaras Hilir in October. — By MEGAT SYAHAR

THE STAR

04 DEC 2024

Tarikh:.....

Bandar Malaysia plan being reviewed, says Anwar A12

THE Bandar Malaysia development plan is currently being reviewed before being submitted to Kuala Lumpur City Hall (DBKL), says Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Anwar, who is also the Finance Minister, said the review is necessary to incorporate feedback and perspectives from various stakeholders to ensure that the development of Bandar Malaysia achieves its objectives.

"Given that Bandar Malaysia is one of the largest remaining government-owned plots of land located in the heart of Kuala Lumpur, this review is crucial to ensure that its development contributes significantly to the city's economy," he said in a written reply to Fong Kui Lun (PH-Bukit Bintang), who had asked the Finance Ministry to provide updates on the project.

Anwar said the development of

Bandar Malaysia must adhere to the principles of responsible development, balancing the environmental ecosystem while providing affordable housing for the people.

"The first phase of commercialisation is also being planned, subject to market conditions and investor readiness," the Prime Minister added.

The Bandar Malaysia project, located on the former Kuala

Lumpur air base site in Sungai Besi, is projected to have a gross development value of RM140bil.

The 196ha project had faced multiple delays before being postponed indefinitely in 2021 when agreements with the consortium IWH-CREC fell through.

Under Budget 2025, Anwar announced that 20.23ha within the Bandar Malaysia area would be gazetted as Malay reserve land.

THE STAR

Tarikh: 04 DEC 2024



Fadlun (centre) trying to use a reverse vending machine that rewards users who insert a used or empty glass bottle, plastic bottle or aluminium can.



Carnival visitors taking part in a creative workshop.



Visitors checking out the carnival booths.

By VIJENTHI NAIR
vijenthi@thestar.com.my

PUTRAJAYA'S green carnival heightened public awareness about recycling and environmental responsibility.

Putrajaya Corporation (PPJ) president Datuk Fadlun Mak Ujud said Karnival Kitar Semula Putrajaya offered a platform for the public to engage in initiatives supporting Putrajaya's transformation into a low-carbon green city.

The carnival featured activities, including a 5km race, 3R Fashion Design Competition, 3R Creative Art Competition, denim upcycling workshops and sale of pre-loved clothings.

Fadlun said the initiative was in line with Putrajaya's master plan, which emphasised environmental sustainability.

"Goals outlined in the Putrajaya Low-Carbon City Road Map is to achieve a 30% recycling rate by 2030, alongside a 30% reduction in per capita solid waste.

Putrajaya on track to achieve green city goals

PPJ aiming to achieve 30% recycling rate by 2030

"These targets form part of Putrajaya's ongoing efforts to protect the environment and promote a cleaner, healthier city for all its residents," he said at the carnival's award presentation ceremony at Kompleks Keiranan Precinct 9.

Fadlun said the event also served as a platform for strategic collaboration between key stakeholders, including Solid Waste Management and Public Cleaning Corporation, Alam Flora, Alam Flora Environmental Solutions, and the Women's Development Department.

"Their cooperation, alongside the support of the Federal Territories Residents Representative Council, has breathed new life into efforts to make Putrajaya a model for sustainability.

"A significant component of the event was the promotion of recycling practices through innovative educational activities.

"These included green technology exhibitions, creative workshops and interactive displays designed to inspire the community," he said.

As part of these efforts, he said, the city was actively

improving its waste management infrastructure.

"Upgraded rubbish houses, designed with eco-friendly elements and dedicated spaces for waste segregation, are being implemented in various residential areas across Putrajaya, such as the civil servant quarters in Precinct 9, 16 and 17," he said.

"These areas will serve as pilot models for waste segregation, aiming to make it easier for residents to separate recyclable materials at the source.

"The success of the carnival shows the power of collabora-

tion between public and private sectors and the community in addressing environmental challenges.

"With continuous education and active participation, we can cultivate a society that prioritises sustainability and cleanliness."

Fadlun also said Putrajaya's future as a clean city hinged on the collective responsibility of its stakeholders.

"With ongoing initiatives like this carnival, the city is well on its way to achieving its recycling and sustainability goals, paving the way for a cleaner, greener future for generations to come," he added.

THE STAR

Tarikh: 04 DEC 2024



CATOPIA Taman Kucing di Shah Alam adalah sentuhan ilham Nisa

ARKITEK CATOPIA TAMAN KUCING

Timbalan Pengarah Jabatan
Landskap MBSA individu
bertanggungjawab bina kawasan
riadah buat si bulus

FOKUS

HM (MBSA)
4/12 ①

Oleh Hafiz Ithnin
hafizithnin@mediaprima.com.my

Catopia Taman Kucing di Shah, Selangor pastinya satu nama yang tidak asing bagi mereka yang menyukai haiwan berkenaan kerana ia adalah taman khusus untuk si bulus.

Di sebalik keunikan lokasi itu sebenarnya penulis juga tidak menyangka dapat menemu bual tangan kreatif yang mencipta taman berkenaan kerana tatkala bertanya mengenai antara projek yang pernah dihasilkan, wanita berusia 41 tahun itu menyebut mengenainya.

Bagi Khairunnisa Mohd Zaini, projek itu antara yang paling dekat di hatinya kerana dia seorang pencinta kucing dan membuat kajian tingkah laku kucing yang dimilikinya sebelum 'menuang' segala ilham secara terperinci dalam projek berkenaan.

Kesannya, taman itu sentiasa disebut-sebut antara yang popular bagi peminat kucing kerana



ANTARA projek landskap yang dihasilkan Nisa bersama pasukannya.

FOTO: IHSAN, KHAIRUNNISA MOHD ZAINI



TURUN ke tapak projek antara yang dilakukan oleh Nisa bagi memastikan kelancaran proses membina landskap

ia adalah taman kucing berkonsepkan rekreasi terbuka untuk kucing dan pemilik pertama di Malaysia yang dibangunkan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA).

Menyingkap latar belakangnya, Khairunnisa atau lebih mesra disapa Nisa berkata, sejak kecil lagi dia sememangnya gemar kepada aktiviti melukis. Mungkin ia adalah bakat yang diwarisi daripada bapanya yang juga pesara sebagai pelukis grafik di News Straits Times Press (NSTP).

Katanya, ketika berada di Matrikulasi Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) di Petaling Jaya, dia memilih fakulti arkitek reka bentuk persekitaran yang menjurus kepada bidang arkitek.

"Namun ketika saya berada di dalam bidang itu saya mendapati arkitek ini tidak kena dengan jiwa saya yang gemarkan pemandangan dan landskap. Jadi saya meneruskan pengajian di dalam bidang arkitek landskap memandangkan saya juga seorang yang gemarkan lukisan lakaran pemandangan.

"Selain itu, ibu saudara juga seorang arkitek landskap yang banyak memberi pengaruh kepada saya untuk mendalami bidang ini. Jadi, selepas tamat pengajian Ijazah Sarjana Muda Seni Bina Landskap di UIAM, Gombak, saya bekerja di sektor swasta selama setahun setengah dan kemudian mendapat rezeki untuk menyertai MBSA," katanya.

Menurutnya, dia kini sudah 36 tahun berkhidmat di dalam MBSA dan baharu setahun menjadi Timbalan Pengarah Jabatan Landskap di MBSA. Malah, dia juga ahli majlis bagi Institut Arkitek Landskap Malaysia (ILAM).

Katanya, menerusi pemerhatiannya kerjaya sebagai arkitek landskap banyak dipelopori wanita



NISA mempunyai minat yang tinggi dalam kerjaya sebagai arkitek landskap.

termasuk di peringkat tertinggi pengurusan syarikat berbanding kaum Adam.

"Saya lihat ketika belajar lagi lebih ramai perempuan yang mengambil jurusan ini berbanding lelaki. Ia bersandarkan pengalaman saya ketika masih menuntut di peringkat ijazah sarjana muda lagi.

"Mungkin bidang ini lebih dekat dengan jiwa wanita yang gemarkan kecantikan dan mengubah sesuatu perkara itu supaya tampak lebih indah dengan sentuhan peribadinya," katanya.

Jelasnya, meskipun sebagai arkitek landskap memerlukan seseorang itu kreatif dalam menghias sesuatu ruang menerusi

W Jika sekadar melakar dan menuang ilham di atas sahaja tidak mencukupi kerana kita perlu mempunyai ilmu mengenai bahan dan kadang-kala arkitek landskap juga perlu turun ke tapak pembinaan bagi memantau projek landskap yang ingin dibangunkan

KHAIRUNNISA

curahan idea dan lakaran, namun ia juga antara kerja yang memerlukan kemahiran teknikal.

"Sebagai arkitek landskap kita juga perlu tahu secara terperinci mengenai bahan yang digunakan untuk membangunkan sesuatu landskap itu dan kita perlu membuat perbincangan dengan pihak kontraktor.

"Jika sekadar melakar dan menuang ilham di atas sahaja tidak mencukupi kerana kita perlu mempunyai ilmu mengenai bahan dan kadang-kala arkitek landskap juga perlu turun ke tapak pembinaan bagi memantau projek landskap yang ingin dibangunkan," katanya.

Jelasnya, dia juga tidak kekok untuk membancuh simen, menyusun batu atau mengubah sendiri pokok yang hendak ditanam di sesuatu lokasi kerana ia adalah ilmu yang perlu dimiliki supaya mudah untuk berurusan dengan pihak pelaksana projek yang lain.

"Walaupun jawatan saya

sudah di peringkat timbalan pengarah, saya juga sekali sekala akan turun ke tapak projek untuk bersama-sama membangunkan projek yang ingin dibangunkan.

"Bagi saya tiada istilah 'kasta' di dalam jawatan apabila kita menjinjal kerjaya yang dicintai. Malah, saya sendiri akan merasa puas apabila projek yang disiapkan itu bukan sahaja sekadar daripada ilham, lakaran asli peribadi malah terbabit secara langsung untuk membangukannya," katanya.

Katanya, sebagai arkitek landskap perkara yang paling puas ialah sesuatu kawasan yang ingin dibangunkan dapat memberi manfaat kepada masyarakat untuk menikmatinya.

"Meskipun orang tidak tahu siapa yang melakarnya tetapi apabila kita lihat masyarakat menikmati keindahan projek yang sudah disiapkan, perasaan puas itu sememangnya sukar untuk digambarkan dengan kata-kata," katanya.



NISA (kanan) bersama suami yang menjadi tulang belakangnya.



MERAH pelbagai anugerah dalam kerjaya.

Pampasan bina semula rumah mangsa banjir

84 4/12

Bantuan dalam jumlah munasabah akan diberi perhatian

Oleh NURHIDAYAH HAIROM
KUALA LUMPUR

Kerajaan mempertimbangkan pampasan kepada mangsa-mangsa banjir yang kediamannya musnah sepenuhnya bagi membolehkan mereka membina semula rumah pasca bencana berkenaan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, bantuan dalam jumlah munasabah akan diberi perhatian secara menyeluruh melibatkan mangsa di negeri-negeri terlibat.

"Saya setuju dengan Tumpat, kalau rumah musnah sepenuhnya maka kerajaan harus beri pertimbangan untuk bagi ganti rugi yang agak munasabah agar dia boleh bina semula.

"Saya tak boleh beri jumlah secara spesifik di mana setakat ini peruntukan segera hanya RM1 bilion. Kita masih tunggu maklumat secara teliti.

"Sekarang nampak reda sedikit di Kelantan, Terengganu, tapi sudah membara di Pahang dan unjurkan di Johor akan juga terkesan. Jadi kita akan lihat keseluruhannya," katanya ketika waktu pertanyaan menteri di Dewan Rakyat di sini pada Selasa.

Beliau menjawab soalan tambahan daripada **Datuk Mumtaz Md Nawi (PN-Tumpat)** berkenaan jumlah bantuan akan diberikan kepada penduduk yang rumahnya tenggelam sepenuhnya



Anwar ketika waktu pertanyaan menteri di Dewan Rakyat pada Selasa.

dalam kejadian banjir.

Mengulas lanjut, Anwar menjelaskan, pada masa ini, beliau boleh memberi jaminan bantuan segera mem-babitkan keperluan asas mangsa terlibat.

"Tapi saya bagi jaminan yang segera seperti makan minum, keperluan asas, membaiki jalan-jalan rosak itu perlu diberikan keutamaan.

"Soal menaikkan taraf jalan negeri ke Persekutuan, saya tunggu laporan KKR (Kementerian Kerja Raya) dan Petra (Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air) untuk lihat semula," katanya.

Dalam pada itu, Perdana Menteri berkata, mangsa banjir kilat boleh memohon ganti rugi melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan agensi kerajaan untuk dipertimbangkan.

Menurutnya, wujud salah faham mengatakan bahawa kerosakan akibat

banjir kilat tidak diberi diganti rugi.

"Soal banjir kilat ini, kalau dikenal pasti kerosakan sama ada kehilangan haiwan ternakan atau kemudahan-kemudahan lain di rumah itu memang ada ruang untuk mereka mohon melalui JKM dan jentera kerajaan.

"Ada salah faham sedikit tentang ada yang mengatakan banjir kilat ini kalau kerosakan tidak diganti rugi. Tidak, kerajaan tetap akan beri pertimbangan, cuma tidak boleh disegerakan kerana kena ikut proses dan rekodnya," katanya.

Beliau menjawab pertanyaan **Datuk Mohd Isam Mohd Isa (BN-Tampin)** yang mahu penjelasan tentang justifikasi berhubung dasar dan polisi kerajaan yang dilihat seakan-akan tidak mengiktiraf mangsa banjir kilat daripada mendapat bantuan atas alasan tidak berpindah di pusat pemindahan sementara (PPS).

SINAR HARIAN

Tarikh: 04 DEC 2024

Projek tebatan banjir seluruh negara ikut jadual

8/4/12

KUALA LUMPUR - Projek tebatan banjir yang dilaksanakan di seluruh negara termasuk di Pantai Timur masih mengikut jadual walaupun ada antaranya dibatalkan pada 2022 sebelum ditender semula.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, pembatalan beberapa projek ketika itu atas dasar Kerajaan Madani menolak rundingan terus yang disifatkan sebagai lemah.

"Setakat ini, melainkan satu di Terengganu kalau tak salah saya, yang lain masih mengikut jadual.

"Kalau dikatakan apakah ada bukti bahawa ada upaya menyelamatkan dana, ya. Kita ada rekod bahawa dalam rundingan terus dengan proses tender memang kita selamatkan dana besar daripada yang diperuntukkan sebelumnya.

"Jadi saya nak beri jaminan yang penting, jangan ini menyebabkan kelambatan tetapi proses umpamanya penilaian teknikal oleh kementerian, kemudian penilaian kewangan oleh Kementerian Kewangan itu harus dipatuhi," katanya.

Beliau menjawab soalan tambahan **Syed Saddiq Syed Abdul Rahman (Muda-Muar)** mengenai sama ada terdapat bukti penyelewengan dalam proses tender projek tebatan banjir yang dibatalkan sebelum ini dan apakah keputusan membatalkan tender serta tender semula projek itu menjejaskan garis masa persediaan untuk menangani banjir besar.

Anwar menegaskan, sistem sekarang menjadikan proses tender cukup telus dan kebocoran yang besar sebelum ini adalah disebabkan amalan rundingan terus.

"Kalau kita ada tender, dalam kes ini dipercepatkan kerana kita katakan tender terhad, maknanya sekurang-kurangnya ada perbandingan antara 10 syarikat-syarikat yang berkeupayaan dan mereka akan memberikan kos yang munasabah," katanya.

SINAR HARIAN

Tarikh: 04 DEC 2024

Episod kedua hujan lebat berterusan tamat

8/4/12

SHAH ALAM - Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia) memaklumkan episod kedua hujan lebat berterusan melanda negara telah tamat pada 26 hingga 30 November 2024 selepas episod pertama antara 19 hingga 22 November lalu.



MOHD HISHAM

Ketua Pengarah MET Malaysia, Dr Mohd Hisham Mohd Anip berkata, analisis model cuaca terkini menunjukkan tiada luruan monsun yang signifikan dalam tempoh beberapa hari akan datang yang mampu menghasilkan hujan lebat berterusan.

Bagaimanapun, beliau berkata, MET Malaysia akan terus memantau keadaan cuaca secara berterusan dan memberi amaran awal sekiranya terdapat tanda-tanda berlakunya luruan monsun.

"Berdasarkan analisis cuaca terkini, MET Malaysia juga tidak menjangkakan akan ada luruan monsun kuat dalam tempoh beberapa akan datang yang berisiko menyebabkan banjir besar bagi negeri-negeri di Pantai Timur dan kawasan menghadap Laut China Selatan.

"Bagaimanapun, MET Malaysia tetap bersedia untuk memaklumkan orang ramai jika berlaku perubahan cuaca yang berpotensi membawa luruan monsun lebih kuat," katanya.

Mohd Hisham turut menjelaskan jika berlaku luruan monsun kuat, kawasan pedalaman di negeri barat Semenanjung seperti Perak dan Selangor mungkin menerima tempas hujan lebat yang melimpah dari kawasan timur Semenanjung.

Katanya, tempas itu berlaku lazimnya disebabkan luruan angin timuran yang kuat dari lautan tropika Pasifik dan angin timur laut dari benua Siberia.

Menurutnya, luruan itu membawa hujan berterusan ke kawasan timur Semenanjung dan seterusnya menjejaskan kawasan pedalaman berhampiran.

SINAR HARIAN

Tarikh: ...04...DEC..2024.....

Taburan hujan luar biasa lebih 1,000mm

84
4/12

Punca utama banjir besar melanda negeri di Pantai Timur

Oleh IZWAN ROZLIN
KUALA LUMPUR

Hujan lebat luar biasa dengan taburan melebihi 1,000 milimeter (mm) bersamaan jumlah hujan bagi tempoh enam bulan di Kelantan dan Terengganu menjadi punca utama banjir besar yang melanda kebanyakan daerah serta jajahan di Pantai Timur.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof berkata, hujan lebat berserta fenomena air pasang besar turut memburukkan lagi keadaan banjir.

Menurutnya, Kelantan mencatatkan bacaan hujan luar biasa di sembilan stesen termasuk Tanah Merah sebanyak 1,167 milimeter (mm), manakala Terengganu menyaksikan bacaan tertinggi di Besut (1,439mm).

"Kalau kita bandingkan dengan banjir tahun ini, keadaan sungai lebih tinggi dari tahun 2014.

"Malah, kita jangkakan aliran sungai ini akan turun ke Pahang dan Johor, jadi kita dalam keadaan berjaga-jaga sekarang ini," katanya.

Beliau berkata demikian semasa sidang akhbar di Pusat Ramalan dan Amaran Banjir Negara (PRABN) di Jalan Ampang pada Selasa.

Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (Petra) itu berkata, amaran langkah berjaga-jaga telah diambil pihaknya termasuk memantau aliran-aliran sungai sehingga Mac 2025.

Mengulas lanjut mengenai kesiapsiagaan negeri-negeri lain yang turut berisiko menghadapi bencana itu,



Fadillah (kanan) meninjau Bilik Gerakan Banjir pada sesi lawatan ke Pusat Ramalan dan Amaran Banjir Negara, Bahagian Pengurusan Sumber Air dan Hidrologi, Jabatan Pengairan dan Saliran pada Selasa.

Fadillah berkata, semua pasukan bencana di setiap negeri akan mengikut operasi prosedur standard (SOP) yang ditetapkan.

"Dengan pemantauan kita akan dapat membuat ramalan dan kemudian menyebarkan maklumat kepada Agensi Pengurusan Bencana Negara (Nadma), kepada pihak media dan akhirnya sampai kepada orang ramai supaya kita bersiap sedia.

"Kalau ikut jangkaan memang masih berlaku (hujan lebat) dalam seminggu, cuma jumlah hujan kita tak pasti tapi kena berjaga-jagalah," ujarnya.

Sehingga kini katanya, sebanyak 31 notis ramalan awal dikeluarkan PRABN di 11 negeri termasuk Johor, Kelantan dan Terengganu, manakala sebanyak 27 notis hebahkan amaran banjir dikeluarkan di 27 daerah melibatkan 518

kawasan banjir.

Dalam pada itu, beliau berkata, Tenaga Nasional Berhad (TNB) turut mengambil langkah menutup pencawang elektrik di beberapa kawasan di negeri terjejas banjir sebagai langkah berjaga-jaga bagi mengelak kemalangan berkaitan elektrik.

"Tetapi pada masa sama mereka (TNB) menyediakan segala peralatan termasuk genset bagi memastikan di pusat-pusat pemindahan, bekalan elektrik akan sentiasa ada," katanya.

Sejak seminggu lalu sebanyak 455 pencawang elektrik di negeri terjejas banjir di seluruh negara ditutup atas faktor keselamatan.

Bagaimanapun, sehingga tengah hari Selasa, sebanyak 344 pencawang telah dibuka semula, manakala selebihnya 111 pencawang masih ditutup.

SINAR HARIAN

Tarikh: ...04...DEC...2024.....

Pakar berpendapat tindakan itu penting untuk tingkat keberkesanan jangka panjang tangani bencana banjir

Oleh KHAIRIL ANWAR MOHD AMIN
SHAH ALAM

Kerajaan Persekutuan perlu mengkaji semula kesesuaian reka bentuk projek-projek tebatan banjir yang pernah dibina di setiap negeri berisiko banjir seperti Kelantan dan Kedah bagi meningkatkan kemampuan sistem penampungan saliran air.

Felo Penyelidik Kanan di Institut Sains Samudera dan Bumi Universiti Malaya, Profesor Datuk Dr Azizan Abu Samah berkata, kesesuaian reka bentuk projek tebatan banjir berkenaan kemudiannya perlu dinaik taraf pada kadar intensiti hujan berkapasiti satu per 100 tahun berbanding kadar sedia ada iaitu kapasiti satu per 50 tahun.

Ujarnya, langkah itu sangat penting bagi memastikan kewujudan tebatan banjir berkenaan berupaya mendepani isu banjir luar biasa terutama pada musim monsun yang menyaksikan taburan air hujan tinggi daripada kebiasaan.

"Setiap reka bentuk tebatan banjir memainkan peranan dalam mengawal limpahan air khususnya bagi mengelak masuk ke kawasan daratan lain, namun kekangan yang selalu berbangkit adalah soal kos pembinaannya.

"Di Kelantan dan Kedah, kebiasaannya reka bentuk adalah kapasiti intensiti hujan pada kadar satu per 50 tahun termasuk yang kita lihat di Sungai Golok, dia sama macam tebatan di Sungai Muda (di Kedah) pada zaman pentadbiran Pak Lah (Tun Abdullah Ahmad Badawi) dulu.

"Jadi perlu dinaik taraf kepada kapasiti intensiti hujan satu per 100 tahun sebab air yang turun sekarang lebih banyak. Bagi kawasan menempatkan aset penting, nilai reka bentuk pembinaan tebatan perlu diambil kira adalah pada kadar intensiti hujan satu per 200 tahun.

"Tapi kos bina mahal sikit. Kalau kita buat di Sungai Muda dulu sekitar RM400

Naik taraf reka bentuk tebatan sedia ada



Reka bentuk pembinaan setiap projek tebatan banjir yang dilaksanakan di seluruh negara perlu dikaji semula dan dinaik taraf untuk jaminan keberkesanan jangka masa panjang.

PREMIUM
Sinar
Eksklusif dan Kritis

juta (kapasiti intensiti hujan satu per 50 tahun). Reka bentuk tebatan ini kosnya tidak murah. Tetapi kalau dikira antara kos dengan keselamatan (penduduk), sebaiknya pilihlah keselamatan," katanya kepada *Sinar Premium*.

Mengulas lanjut, Azizan menegaskan kos menaik taraf reka bentuk projek tebatan banjir yang telah dan sedang dilaksanakan di Kelantan, Kedah, Terengganu, Selangor, Pahang dan Sabah dianggap lebih efisien dan menjimatkan kos berbanding pelaksanaan sebuah projek mega baharu.

Ujarnya, kerajaan pusat dan negeri boleh sahaja merancang sebuah projek tebatan baharu bertaraf mega dan menelan belanja besar bernilai berbilion ringgit.

Bagaimanapun Azizan berpendapat kesesuaian pelaksanaannya adalah bergantung sejauh mana ketinggian nilai aset



LUQMAN CHUAH



AZIZAN

mustahak atau nyawa yang ingin diselamatkan di lokasi terlibat.

"Tiada masalah kalau kerajaan merancang membina projek terowong bawah tanah pintar atau *off river storage* (takungan air pinggir sungai) sebagaimana dilaksanakan di Kuala Lumpur dan Selangor untuk menampung limpahan air sungai sewaktu musim banjir.

"Tetapi adakah ia berbaloi dilaksanakan jika tujuan kewujudannya hanya untuk menyelamatkan kawasan pertanian atau penempatan penduduk kurang padat? Lainlah jika pembinaannya untuk menyelamatkan kawasan perindustrian bernilai tinggi seperti Kulim Hi-Tech Park, Kedah atau Pulau Pinang, barulah berbaloi.

"Sebab itu saya rasa tidak perlu diusahakan satu projek tebatan mega khusus tangani banjir tetapi sebaiknya naik taraf reka bentuk pembinaan tebatan sedia ada agar fungsinya lebih efisien untuk jangka masa panjang," ulasnya.

Di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12), sebanyak tujuh negeri sedang dan telah dikenal pasti melaksanakan projek-projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) dan memerlukan penumpuan kerana berpotensi sering menghadapi banjir.

Negeri-negeri berkenaan adalah Johor, Selangor, Kelantan, Kedah, Pahang, Perak dan Negeri Sembilan dengan kos ke-

seluruhan kontrak bernilai RM1.245 bilion.

Libatkan lebih ramai pakar

Sementara itu, Profesor Jabatan Kejuruteraan Kimia dan Alam Sekitar, Universiti Putra Malaysia, Profesor Dr Luqman Chuah Abdullah menegaskan, sebarang pelaksanaan projek tebatan banjir bertaraf mega adalah tidak berguna sekiranya kerajaan tidak menumpukan kepada pelan perancangan bandar dan pembangunan kerajaan tempatan untuk jangka masa panjang.

Sebagai contoh, Luqman Chuah berkata, antara faktor berlakunya banjir berterusan di Kelantan dan Kedah adalah disebabkan kurangnya pelan pembangunan terancang yang menyebabkan aliran air tersekat dan melimpah ke daratan dek sistem pengaliran dan saliran tidak sistematik.

Selain itu, beliau berpandangan isu pembalakan tidak terkawal di Kelantan secara tidak langsung mengganggu ekosistem negeri itu dan menyumbang kepada banjir besar.

"Kita sibuk hendak menfokuskan kepada pelaksanaan projek tebatan berskala besar. Tetapi kita memandang enteng penyelesaian isu-isu utama seperti pelaksanaan pelan pembangunan kerajaan tempatan untuk jangka panjang, pembinaan sistem saliran dan projek pendalaman sungai secara sistematik serta pengurangan kebergantungan ekonomi pembalakan.

"Pandangan saya, sudah tiba masa kerajaan pusat dan negeri bekerjasama mengkaji semula perancangan pembangunan kerajaan tempatan di setiap kawasan *hotspot* banjir.

"Saya juga mengharap kerajaan mengkaji semula prosedur operasi standard (SOP) menangani impak banjir dengan pelaksanaan pelan pemindahan penduduk dan harta benda bernilai di kawasan berisiko banjir lebih awal apabila tiba musim monsun," jelasnya.

Selain itu, Luqman Chuah menyuarakan kebimbangan sama ada pelaksanaan setiap projek tebatan banjir yang dilancarkan sebelum ini benar-benar mengikut spesifikasi reka bentuk pembinaan dan memenuhi keperluan peruntukan disarankan pakar.

Pada masa sama, beliau menyarankan sudah tiba masa bagi kerajaan melibatkan pakar-pakar dari pelbagai bidang termasuk perancangan bandar, kaji cuaca dan perubahan iklim dalam membincangkan pelaksanaan sesuatu projek berimpak tinggi untuk rakyat.

"Melalui inisiatif ini, sekurang-kurangnya pakar-pakar terlibat boleh mewujudkan satu modul ramalan bencana di kawasan pelaksanaan projek bagi dijadikan panduan dalam menentukan reka bentuk pembinaan, jumlah peruntukan dan pelantikan kontraktor-kontraktor berkelayakan," tambah beliau.



Masalah banjir berterusan berlaku pada tiap-tiap tahun akan merugikan negara sekiranya tiada langkah penyelesaian jangka masa panjang diambil.

>>>LAGI BERITA DI MUKA 25, 26 & 27

SINAR HARIAN

Tarikh: ...04 DEC 2024...

Anggota PBT mula pakai kamera badan elak kontroversi Kosmo 4/12

IPOH – Anggota penguatkuasa di tujuh pihak berkuasa tempatan (PBT) Perak mula menggunakan kamera badan (BWC) dalam setiap tindakan penguatkuasaan.

PBT tersebut ialah Majlis Bandaraya Ipoh (MBI), Majlis Perbandaran Manjung (MPM), Majlis Perbandaran Taiping (MPT), Majlis Perbandaran Teluk Intan (MPTI), Majlis Perbandaran Kuala Kangsar (MPKK), Majlis Daerah Kampar (MDKpr) dan Majlis Daerah Batu Gajah (MDBG).

Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Sandra Ng Shy Ching berkata, cadangan BWC itu mula dibangkitkan berikutan timbulnya isu kontroversi berkaitan operasi penangkapan haiwan jalanan.

"Sehubungan itu, kerajaan negeri telah memutuskan untuk melaksanakan penggunaan kamera badan dalam setiap tindakan penguatkuasaan di kawasan PBT bagi memastikan operasi dijalankan dengan lebih telus, profesional dan beretika untuk kebaikan bersama," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Bellau berkata, anggota-anggota di PBT juga sering berhadapan dengan cabaran yang besar dalam melaksanakan tindakan penguatkuasaan di bawah akta yang berkait dengan PBT.

Katanya, BWC adalah bertepatan dan diharap dapat memperkasakan tindakan penguatkuasaan dengan menambahkan elemen-elemen seperti akauntabiliti dan ketelusan, kepercayaan orang awam, bukti penyiasatan, mengurangkan tuntutan dan aduan salah laku serta perlindungan pihak berkuasa.

"Saya yakin dengan penggunaan peralatan kamera badan BWC ini, mana-mana tindakan penguatkuasaan di bawah Seksyen 80 dan 81, Akta 171 ke atas sebarang isu kacau ganggu yang berlaku di dalam kawasan operasi PBT diambil dengan telus, tegas dan menyeluruh," katanya.

Kata Sandra, kerajaan negeri merancang untuk membuat agihan peruntukan seterusnya dalam Fasa 2 Program Penggunaan Kamera Badan BWC kepada lapan PBT lagi pada tahun 2025.



SANDREA (tiga dari kanan) bergambar bersama anggota PBT Perak yang mula menggunakan kamera badan dalam majlis penyerahan kamera tersebut di Ipoh semalam.

KOSMO

04 DEC 2024

Tarikh:



TAMAN permainan pertama khusus untuk kanak-kanak OKU dibina di Taman Bandaraya Bukit Serindit, Melaka.

Taman permainan mesra OKU pertama di Melaka

MELAKA – Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) membina Taman Permainan Kanak-kanak Interaktif Sejagat khusus untuk golongan orang kurang upaya (OKU) termasuk anak autisme yang pertama di negeri ini.

Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Sains, Teknologi, Inovasi dan Komunikasi Digital Melaka, Datuk Mohd. Noor Helmy Abdul Halem berkata, kemudahan alat permainan yang dibina

adalah berkonsepkan mesra OKU dan dijamin lebih selamat.

Katanya, set permainan juga mesra kanak-kanak autisme yang hipersensitif kepada sentuhan, pergerakan, penglihatan dan bunyi.

"Taman ini adalah yang pertama dibina di negeri ini dilaksanakan oleh MBMB serta mendapat peruntukan RM500,000 daripada Jabatan Landskap Negara (JLN).

"Alat permainan yang dibina berkonsepkan interaktif dapat membantu mengembangkan dan meningkatkan kemahiran fizikal dan mental serta merangsang pemikiran golongan ini.

"Sebagai contoh buaian untuk golongan OKU membolehkan mereka menaikinya walaupun berkerusi roda," katanya ketika ditemui selepas majlis perasmian di Taman Bandaraya Bukit Serindit di sini semalam.

Kosmo
4/12

KOSMO

04 DEC 2024

Tarikh:

Mekanisme subsidi bersasar telus, bendung ketirisan

KUALA LUMPUR – Kerajaan mengguna pakai mekanisme bantuan tunai secara langsung kepada golongan sasaran yang berkecukupan dan memerlukan sebagai salah satu langkah untuk membendung isu ketirisan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Ali berkata, langkah tersebut dilakukan dalam memastikan subsidi ini sampai kepada golongan sasaran.

Kata beliau, kementerian juga memanfaatkan penggunaan teknologi untuk memastikan sistem penyampaian yang efisien dan segera seperti penyaluran Sumbangan Tunai Rahmah (STR) yang dikreditkan terus ke akaun penerima dan Sumbangan Asas Rahmah (SARA) yang menggunakan MyKad.

"Kerajaan turut melaksanakan dasar dan program penyasaran subsidi untuk memastikan program subsidi benar-benar sampai dan dimanfaatkan golongan sasaran."

"Selain itu, kementerian juga memperkasa aspek penguatkuasaan untuk membendung isu ketirisan, penyelewangan dan penyeludupan," katanya di Dewan Rakyat semalam.

Beliau menjawab pertanyaan Datuk Seri Doris Sophia

Anak Brodi (GPS-Sri Aman) yang ingin tahu keberkesanan program subsidi kerajaan yang dilaksanakan untuk merangkai kos sara hidup dan apakah mekanisme yang digunakan untuk memastikan subsidi ini sampai kepada golongan yang benar-benar memerlukan.

Mengulas mengenai keberkesanan program subsidi, Armizan berkata, laporan Khazanah Research Institute menunjukkan peningkatan dalam jumlah perbelanjaan keseluruhan dan jumlah perbelanjaan makanan berikutan bantuan tunai.

"Dapatan laporan itu juga menunjukkan bantuan tunai juga mampu memberikan jaminan sumber pendapatan yang konsisten."

"Selain itu, laporan Kajian Impak Program Payung RAHMAH di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup yang telah dilaksanakan ILHAM Centre mendapati 81 peratus responden berpuas hati dengan pelaksanaan program tersebut, manakala 83 peratus berpandangan inisiatif melaksanakan program ini merupakan langkah tepat untuk membantu mengurangkan beban kos sara hidup," ujarnya.



ARMIZAN bercakap dalam sidang Dewan Rakyat di Kuala Lumpur semalam. – IHSAN JABATAN PENERANGAN

KOSMO

04 DEC 2024

Tarikh:

Kerjasama pelbagai pihak bina ketahanan hadapi bencana banjir

• Banjir mengakibatkan kerosakan teruk kepada infrastruktur jalan raya, menyulitkan usaha menyelamatkan dan penghantaran bantuan selain menimbulkan risiko keselamatan kepada penduduk

• Malaysia perlu bergerak ke arah pembangunan lebih mampan dan berdaya tahan bagi memastikan keselamatan rakyat serta kelangsungan hidup mereka sentiasa terjamin



Pensyarah di Pusat Pengajian Pengurusan Teknologi dan Logistik, Kolej Perniagaan, Universiti Utara Malaysia (UUM)

Oleh Prof Madya Dr Mohd Azril Ismail
bhrencana@bh.com.my

Bencana banjir melanda negeri utara dan Pantai Timur Semenanjung iaitu Kedah, Kelantan dan Terengganu menyebabkan banyak kerosakan besar terhadap infrastruktur serta kehidupan penduduk.

Setiap tahun, isu banjir menjadi lebih kerap dan parah serta menekan, menuntut pelbagai faktor seperti perubahan iklim, urbanisasi atau pembangunan tidak terkawal serta kelemahan sistem pengurusan bencana negara perlu diberikan perhatian segera oleh kerajaan.

Pusat pemindahan semakin dipenuhi mangsa banjir memerlukan perlindungan, makanan dan sokongan kesihatan serta keselamatan diri, sekali gus menekankan kepentingan bantuan daripada Kerajaan Persekutuan kepada kerajaan negeri menanganai cabaran ini.

Banjir mengakibatkan kerosakan teruk kepada infrastruktur jalan raya, menyulitkan usaha menyelamatkan dan penghantaran bantuan, selain menimbulkan risiko keselamatan kepada penduduk.

Ramai mangsa terpaksa meredah arus deras untuk mendapatkan bekalan asas atau urusan lain, boleh menyebabkan kemalangan dan kehilangan nyawa.

Kedudukan ini jelas menunjukkan pentingnya pematuhan kepada Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133), menggariskan keperluan memastikan jalan raya dan infrastruktur berkaitan dibina dengan ketahanan terhadap bencana alam.

Kerosakan infrastruktur ini turut menjejaskan akses perkhidmatan kesihatan dan pendidikan. Hospital dan klinik di kawasan terjejas tidak dapat beroperasi kerana terputus bekalan elektrik dan air, sekolah ditutup dalam tempoh masa panjang.

Ini memberi kesan besar terhadap kesejahteraan fizikal dan mental masyarakat, terutama kanak-kanak terlepas sesi pembelajaran dan memerlukan sokongan psikososial akibat trauma banjir.

Oleh itu, penting untuk menilai semula strategi pembangunan infrastruktur dengan mengambil kira aspek ketahanan bencana, supaya perkhidmatan kritikal dapat terus berfungsi dengan baik ketika bencana.

Selain kerosakan fizikal, banjir juga membawa implikasi kesihatan serius. Air banjir tercemar dengan pelbagai bahan buangan dan najis menjadi medium kepada penyakit berjangkit seperti leptospirosis, kolera dan demam denggi.

Penyakit ini boleh menular dengan cepat, terutama di pusat pemindahan sementara dan mempunyai akses terhad kepada kemudahan sanitasi yang baik.

Kementerian Kesihatan (KKM) mengeluarkan amaran peningkatan risiko penyakit berjangkit di kawasan terjejas dan pelbagai langkah proaktif diambil, termasuk penyediaan bekalan ubat-ubatan serta vaksin.

Namun, kesedaran dan kerjasama penduduk setempat amat diperlukan. Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) harus dikuatkuasakan dengan ketat bagi memastikan setiap individu dipindahkan menjalani pemeriksaan kesihatan dan menerima rawatan sewajarnya.

Selain penyakit bawaan air, banjir juga memberi

kesan kepada kesihatan mental mangsa. Trauma akibat kerugian kehilangan harta benda, tempat tinggal dan ahli keluarga memberi tekanan emosi mendalam kepada mangsa banjir.

Pusat pemindahan perlu dilengkapkan dengan perkhidmatan kaunseling bagi membantu mangsa menghadapi trauma ini. Program sokongan psikososial perlu disediakan, terutama bagi kanak-kanak dan warga emas yang lebih terdedah kepada kesan psikologi akibat bencana.

Walaupun kerajaan negeri adalah pihak pertama bertanggungjawab menguruskan bencana, peranan Kerajaan Persekutuan tidak boleh dipandang remeh.

Rangka strategi mitigasi jangka panjang

Sumber kewangan, logistik dan tenaga kerja kerajaan pusat amat diperlukan untuk memastikan bantuan dapat disalurkan secara berkesan.

Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) perlu memainkan peranan lebih aktif dengan menyelaraskan semua agensi berkaitan seperti Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM) serta sukarelawan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Kerajaan Persekutuan perlu memastikan dana kecemasan disalurkan segera kepada kerajaan negeri, bukan sahaja untuk membantu proses pemindahan tetapi membaiki pulih infrastruktur rosak.

Selain itu, strategi mitigasi jangka panjang perlu dirancang bagi mengurangkan risiko dan kesan banjir pada masa hadapan, termasuk membina empangan baharu atau memperkuatkan sistem saliran sedia ada.

Peranan Kerajaan Persekutuan juga merangkumi penyediaan pelan tindakan komprehensif mengurangkan risiko banjir berlaku pada masa akan datang termasuk pelaksanaan program pemulihan dan pencegahan seperti pemulihan kawasan tadahan air, pembinaan infrastruktur tahan banjir dan pemantauan pembangunan di kawasan berisiko tinggi.

Kerjasama dengan pihak swasta dan komuniti setempat dalam usaha mitigasi juga perlu digalakkan, supaya masyarakat lebih bersedia menghadapi kemungkinan banjir pada masa hadapan.

Banjir bukan sahaja membawa kerosakan fizikal tetapi memberi impak sosial dan ekonomi yang besar. Banyak kawasan pertanian musnah, menyebabkan kehilangan sumber pendapatan kepada petani.

Perniagaan kecil juga mengalami kerugian besar kerana premis ditenggelami air. Pemulihan ekonomi pasca banjir memerlukan intervensi segera kerajaan dalam bentuk bantuan kewangan dan kredit mikro bagi membolehkan masyarakat bangkit semula daripada musibah ini.

Kementerian Pembangunan Luar Bandar perlu mengadakan program sokongan ekonomi di kawasan terjejas bagi membantu mereka beradaptasi dengan situasi sumber pendapatan.

Bantuan ini termasuk menyediakan modal memulakan semula perniagaan kecil dan pertanian, selain memberikan latihan dalam bidang kemahiran bagi membolehkan mereka beradaptasi dengan situasi baharu selepas bencana.

Kerajaan perlu mempertimbangkan penubuhan dana khas untuk membantu mangsa banjir membina semula kehidupan mereka termasuk skim pinjaman tanpa faedah untuk membaiki pulih rumah rosak.

Kerjasama dengan sektor swasta juga penting untuk menyediakan peluang pekerjaan dan membantu pemulihan ekonomi di kawasan terjejas.

Usaha pemulihan ini perlu dilakukan dengan pantas dan berkesan bagi memastikan mangsa banjir dapat kembali menjalani kehidupan normal dan ekonomi tempatan dapat dipulihkan.

Dalam menghadapi cabaran perubahan iklim dan urbanisasi pesat, Malaysia perlu bergerak ke arah pembangunan lebih mampan dan berdaya tahan bagi memastikan keselamatan rakyat serta kelangsungan hidup mereka sentiasa terjamin.

Selain itu, kesedaran masyarakat terhadap risiko banjir dan langkah keselamatan perlu dipertingkatkan. Pendidikan dan latihan mengenai tindakan perlu diambil sebelum, semasa dan selepas banjir perlu diberikan secara menyeluruh kepada semua lapisan masyarakat.

Dengan kerjasama dan sokongan dari semua pihak, Malaysia dapat membina ketahanan yang lebih baik menghadapi bencana alam pada masa hadapan dan memastikan kesejahteraan rakyat sentiasa terpelihara.



Kerajaan Perpaduan perlu perkukuh reformasi agenda basmi rasuah



Presiden
Pemerhati Rasuah
Malaysia (MCW)

Oleh Jais Abd Karim
bhrencana@bh.com.my

Selepas dua tahun memerintah, Kerajaan Perpaduan terus menjadi tumpuan pelbagai pihak dalam berbagai aspek, terutama dalam usaha memerangi rasuah, memperkukuh tadbir urus dan mengembalikan keyakinan rakyat terhadap institusi kerajaan.

Walaupun masih terdapat banyak cabaran, kerajaan ini memperkenalkan beberapa dasar penting memberi harapan, namun pada masa sama, banyak isu perlu diperbaiki.

Pada dua tahun pemerintahan sejak November 2022, kerajaan mengambil beberapa langkah memperkukuh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), termasuk menyediakan peruntukan lebih besar dan menjadikan isu rasuah sebagai salah satu agenda utama dasar kerajaan.

Namun, komitmen terhadap agenda antirasuah masih perlu diperkukuhkan. Terdapat beberapa isu menyebabkan keraguan, antaranya ketidaktelusan dalam tindakan membabitkan beberapa kes berprofil tinggi dikaitkan tokoh politik.

Misalnya, ada tuduhan pendakwaan kes rasuah masih berlaku secara terpilih, mengundang kritikan pelbagai pihak, termasuk pembangkang dan masyarakat.

Maka, kerajaan harus lebih tegas memisahkan pengaruh politik daripada institusi SPRM serta meningkatkan keberkesanan pendakwaan terhadap semua pihak, tanpa mengira latar belakang politik.

Dari segi tadbir urus, kerajaan mengambil beberapa langkah positif menggalakkan ketelusan dan kebertanggungjawaban dalam urus tadbir negara seperti dasar tender terbuka bertujuan memastikan perolehan awam lebih telus dan mengurangkan amalan kronisme.

Kerajaan juga berusaha memperkenalkan beberapa perubahan dalam pengurusan kewangan awam bertujuan memastikan pengurusan perbelanjaan negara lebih efisien dan bebas daripada penyelewengan.

Elak kronisme agih projek

Amalan kronisme masih berlaku dalam beberapa sektor, terutama pelantikan jawatan dalam syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan projek kerajaan. Banyak projek besar masih diberi kepada kontraktor yang ada hubungan rapat dengan ahli politik tertentu, tanpa melalui proses terbuka dan adil.

Oleh itu, usaha kerajaan memerangi kronisme perlu dipertingkatkan dengan memastikan semua pelantikan dan projek dijalankan mengikut prosedur lebih telus dan berasaskan merit.

Dalam tempoh dua tahun ini, terdapat kemajuan pembabitan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dalam beberapa proses dasar dan kerajaan kelihatan lebih terbuka mendengar saranan daripada masyarakat.

Kerajaan diharap dapat memastikan banyak NGO

diberi ruang menyuarakan pandangan. Ini akan membolehkan kewujudan dasar kerajaan lebih inklusif dan berpihak kepada rakyat.

Terdapat beberapa usaha dilakukan kerajaan menghukum pesalah rasuah, khususnya yang terbabit dalam kes besar. Namun, banyak kes membabitkan individu berprofil tinggi, terutama bekas pemimpin kerajaan, masih belum sampai ke peringkat pendakwaan, memadaai walaupun siasatan sudah dijalankan.

Kerajaan mesti mengatasi persepsi ada pilih kasih dalam pendakwaan kes ini. Kepercayaan rakyat terhadap sistem keadilan bergantung kepada kebolehan kerajaan memastikan tiada siapa kebal daripada undang-undang, tanpa mengira status.

Pendakwaan tegas dan cepat terhadap pesalah rasuah berprofil tinggi penting untuk memulihkan keyakinan rakyat terhadap keadilan negara.

Beberapa program kesedaran awam antirasuah dan pentingnya integriti dalam kalangan generasi muda juga belum mencukupi. Pendidikan mengenai rasuah dan integriti perlu diterapkan secara lebih meluas, terutama dalam kalangan sektor awam dan swasta.

Dalam hal ini, kerajaan harus memperkenalkan modul integriti dalam kurikulum pendidikan nasional serta meningkatkan lagi program kesedaran dalam kalangan masyarakat umum.

Secara keseluruhan, walaupun Kerajaan Perpaduan membuat beberapa langkah positif memerangi rasuah dan memperbaiki tadbir urus negara, banyak cabaran masih perlu dihadapi.

Hanya dengan keberanian mengambil tindakan tidak popular, seperti memisahkan sepenuhnya institusi seperti SPRM daripada pengaruh politik dan melaksanakan dasar tanpa pilih kasih, Malaysia dapat mencapai matlamat menjadi negara bebas rasuah dan berintegriti.

“Pendakwaan tegas dan cepat terhadap pesalah rasuah berprofil tinggi penting untuk memulihkan keyakinan rakyat terhadap keadilan negara”

BERITA HARIAN
Tarikh..... 04 DEC 2024.....

METMalaysia

pantau luruan monsun

Kuala Lumpur: Luruan angin sejuk atau luruan monsun yang dijangka melanda mulai 8 hingga 14 Disember ini, berpotensi membawa hujan lebat berpanjangan dan mencetuskan gelombang kedua banjir di negeri Pantai Timur Semenanjung.

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia (METMalaysia), Dr Mohd Hisham Mohd Anip, berkata hujan lebat berterusan dalam tempoh berkenaan juga berpotensi melanda Sarawak dan Sabah, selain negeri di barat Semenanjung apabila intensiti luruan adalah kuat.

Beliau berkata, luruan monsun akan turut menyebabkan angin kencang dan keadaan laut bergelora di Laut China Selatan.

"METMalaysia sentiasa memantau luruan monsun yang dijangka berlaku dalam tempoh seminggu bermula 8 hingga 14 Disember.

Kita memantau situasi dan akan mengeluarkan amaran sebaik sahaja output model ramalan mencapai tahap keyakinan yang tinggi," katanya kepada BH, semalam.

Beliau menjelaskan, musim sejuk di hemisfera utara menyebabkan pembentukan kawasan tekanan udara yang tinggi di tanah besar China dan Siberia.

"Apabila intensiti tekanan udara terlalu tinggi, ia akhirnya akan meletus dan seterusnya menghasilkan luruan angin sejuk yang akan bergerak melalui Laut China Selatan dan seterusnya ke pantai timur Semenanjung serta perairan Sabah serta Sarawak," katanya.

BERITA HARIAN
Tarikh..... 04 DEC 2024

Taman permainan mesra OKU di Melaka

MELAKA: Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) membina sebuah taman permainan kanak-kanak khusus untuk golongan orang kurang upaya (OKU) pertama di negeri ini.

Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Sains, Teknologi, Inovasi dan Komunikasi Digital Melaka, Datuk Mohd. Noor Helmy Abdul Halem berkata, Taman Permainan Kanak-kanak Interaktif Sejagat itu direka khas untuk kegunaan OKU termasuk anak autisme.

Menurutnya, kemudahan alat permainan yang dibina adalah berkonsepkan mesra OKU dan dijamin lebih selamat berbanding taman permainan kanak-kanak normal.

"Set permainan ini juga mesra kanak-kanak autisme yang hipersensitif kepada sentuhan, pergerakan, penglihatan dan bunyi. Taman ini adalah yang pertama dibina di negeri ini dilaksanakan oleh MBMB serta mendapat peruntukan RM500,000 daripada Jabatan Landskap Negara.

"Alat permainan yang dibina di sini berkonsepkan interaktif dapat membantu



UM

4/12

Kemudahan alat permainan yang dibina adalah berkonsepkan mesra OKU dan dijamin lebih selamat berbanding taman permainan kanak-kanak normal."

mengembangkan dan meningkatkan kemahiran fizikal dan mental serta merangsang pemikiran golongan ini.

"Sebagai contoh buaian yang ada untuk kanak-kanak normal dan satu lagi buaian untuk golongan OKU yang membolehkan mereka menaikinya walaupun berkerusi roda dan apa yang lebih penting ia lebih menjamin keselamatan," katanya ketika ditemui selepas majlis perasmian di Taman Bandaraya Bukit Serindit di sini, hari ini.

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: ...04 DEC 2024...



FADILLAH Yusof mendengar taklimat gerak kerja kestabilan bekalan ketika banjir di Wisma TNB, Petaling Jaya. - GAMBAR IHSAN PEJABAT TPM

Jumlah taburan hujan 6 bulan punca banjir besar

KUALA LUMPUR: Hujan lebat di luar kebiasaan bersamaan tempoh enam bulan di Kelantan dan Terengganu dengan jumlah melebihi 1,000 milimeter (mm) adalah punca utama banjir besar melanda di kedua-dua negeri di Pantai Timur tersebut.

Malah berdasarkan rekod Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), paras sungai dicatatkan di Kelantan dan Terengganu adalah lebih tinggi berbanding banjir besar pada tahun 2014.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof berkata, banjir yang melanda pada luruan kedua Monsun Timur Laut (MTL) baru-baru ini membawa jumlah taburan hujan melebihi dua kali ganda di kebanyakan kawasan di Kelantan dan Terengganu.

Pada masa sama, katanya, air pasang besar juga menyumbang kepada peningkatan paras air sungai sehingga berlaku limpahan di kawasan sekitar sekali gus menyebabkan banjir.

"Kelantan mencatatkan bacaan hujan luar biasa di sembilan stesen, termasuk Kusal, Tanah Merah (1,167mm),

manakala Terengganu menyaksikan bacaan tertinggi di Kalabe, Besut (1,439mm).

"Hujan lebat di luar kebiasaan, maknanya limpahan hujan itu purata hujan bergantung kepada tempat, ada yang melebihi dua kali ganda daripada purata hujan dan juga keadaan air pasang besar.

"Maknanya sungai dan laut itu dalam keadaan tinggi, jadi bertembunglah dan sebab itu limpahan terjadi," katanya selepas melawat Pusat Ramalan dan Amaran Banjir Negara (PRABN), di sini, hari ini.

Sebelum itu, Fadillah diberi taklimat oleh pegawai JPS berhubung bencana banjir yang direkodkan agensi tersebut sejak 5 November lalu apabila Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia) mengumumkan bermulanya MTL.

JPS merekodkan sebanyak 289 kejadian banjir dalam luruan kedua MTL baru-baru ini dengan 116 daripadanya berlaku di Terengganu.

Berdasarkan taklimat diberikan, terdapat tiga punca banjir yang dilaporkan iaitu banjir monsun, kilat dan pantai.

UTUSAN MALAYSIA

Tarikh: 04 DEC 2024

PM grateful for aid to flood-hit residents

KUALA LUMPUR: Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim has expressed his gratitude to all, including 80,000 civil servants who are on the ground assisting flood-hit residents in the country.

He acknowledged the strong collaboration between federal and state government agencies, including the Malaysian Armed Forces, police, Civil Defence Force, Fire and Rescue Department, Malaysia Volunteers Corps Department, Social Welfare Department, Health Ministry and Education Ministry as a positive sign in tackling disasters.

Anwar also praised the involvement of GLICs, GLCs, private sector entities, and NGOs as well as tens of thousands of volunteers who are contributing to the efforts.

"While we face these challenges, the unity of Malaysians from various ethnicities, states and districts is truly remarkable. I wish to extend my highest appreciation to all of them," he said in the Dewan Rakyat yesterday.

Anwar said Chief Secretary to the Government Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar is leading the *Insan Madani* squad to assist with clean-up efforts as floodwaters recede.

He added that the flood relief coordination efforts led by the National Disaster Management Agency chaired by Deputy Prime Minister Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi have been highly satisfactory.

"I also appreciate the months of preparation beforehand, with meetings held at federal, state and district levels. This led to well-coordinated measures, as I witnessed first-hand in Terengganu and from reports in Kelantan, which were very commendable." — Bernama

THE SUN
04 DEC 2024

Tarikh: